

# Pas, Keadilan pulau pilihan raya 28 Januari ini

um - 11/1/2007

RAUB 10 Jan. - Pas dan Parti Keadilan Rakyat (Keadilan) mengambil keputusan memulau pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Talam di Raub pada 28 Januari ini.

Timbalan Presiden Pas, Nasharuddin Mat Isa ketika membacakan pengisytiharan itu di Markas Pas Cawangan Sega dekat sini malam ini, mendakwa terdapat enam kepincangan dalam sistem pilihan raya dan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) sehingga memaksa dua parti berkenaan memulaukan pilihan raya tersebut.

"Dengan itu kami, Barisan Alternatif sebulat suara menolak dan memboikot penyertaan dalam pilihan raya kecil Dun Batu Talam," katanya.

Perisytiharan yang diedarkan kepada media itu ditandatangani oleh Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dan Presiden Keadilan, Dr. Wan Azizah Wan Ismail.

Sementara itu, Abdul Hadi dalam ucapan selepas pengisytiharan itu berkata, penyertaan Pas dalam pilihan raya umum akan datang bergantung kepada senario politik ketika itu.